ASIASchool of Business
in collaboration with MIT Sloan Management
Iclif Executive Education Center

FT EXECUTIVE EDUCATION 2026 RANKING

AACSB ACCREDITED

EXECUTIVE EDUCATION / OPEN ENROLLMENT PROGRAM

KEPIMPINAN PASUKAN BERPRESTASI TINGGI

HRDCORP CLAIMABLE



BUTIRAN PROGRAM

FAKULTI	TARIKH/MASA	YURAN *	MOD LATIHAN
Wan Hamiza	28 April 2027 9.00AM - 5.00PM	RM1,600 | USD400 Yuran program boleh dituntut sepenuhnya (100%) di bawah skim HRD Corp. Tertakluk kepada terma dan syarat.	Secara Bersemuka @ Asia School of Business

Gambaran Keseluruhan Program

Program satu hari ini direka untuk membantu pemimpin dan pengurus membina, memimpin dan mengekalkan pasukan berprestasi tinggi dalam persekitaran organisasi yang dinamik. Ramai organisasi mempunyai individu berprestasi tinggi, namun tidak semua mampu berfungsi sebagai satu pasukan yang padu. Program ini memberi penekanan kepada pemahaman dinamik pasukan, faktor yang menghalang prestasi, serta pendekatan praktikal untuk mewujudkan kesepaduan pasukan yang berfokus kepada matlamat bersama.

Sepanjang hari, peserta akan meneroka kepimpinan berteraskan tujuan, peranan pemimpin sebagai arkitek pasukan, lima disfungsi utama pasukan serta konsep prestasi berasaskan Skill dan Will. Peserta turut mempelajari cara memacu motivasi dan penglibatan ahli pasukan melalui analisis kes dan latihan pemetaan pasukan.

Program ditutup dengan latihan lakon peranan perbualan berimpak tinggi dan penyediaan pelan tindakan peribadi, supaya setiap peserta pulang dengan langkah praktikal untuk meningkatkan akauntabiliti dan keberkesanan pasukan bagi mencapai hasil organisasi yang mampan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir program ini, peserta akan dapat:

- Menghuraikan ciri dan model pasukan berprestasi tinggi serta peranan pemimpin sebagai arkitek pasukan.
- Mengenal pasti dan mengatasi halangan utama prestasi pasukan, termasuk lima disfungsi pasukan, dengan membina kepercayaan dan keselamatan psikologi.
- Mengaplikasikan matriks **Skill dan Will** untuk menilai kesediaan ahli dan memilih intervensi kepimpinan yang sesuai.
- Meningkatkan motivasi dan penglibatan ahli pasukan serta mengurus prestasi rendah secara konstruktif.
- Menggunakan perbualan berimpak tinggi dan coaching untuk memupuk akauntabiliti serta komitmen ke arah tujuan bersama.

Siapa Yang Perlu Hadir

Program ini sesuai untuk:

- Pengurus dan pemimpin peringkat pertengahan hingga kanan.
- Ketua jabatan, penyelia dan bakal pemimpin pasukan.
- Usahawan dan pemilik perniagaan yang mengurus pasukan.
- Profesional yang ingin meningkatkan keberkesanan kepimpinan pasukan dan prestasi organisasi.

Rangka Program

9:00AM - 10:30AM **Modul 1: Minda Kepimpinan Berteraskan Tujuan**

- Kepimpinan berasaskan tujuan, nilai dan impak melangkaui jawatan
- Mitos kepimpinan dan andaian yang mengekang prestasi (Myth vs Reality)
- Pemimpin sebagai arkitek pasukan: ciri dan kitaran perkembangan pasukan berprestasi tinggi
- Pemetaan ekosistem pasukan dan pengurusan kepelbagaian ahli

10:45AM - 12:15PM **Modul 2: Mengatasi Disfungsi dan Membina Kepercayaan Pasukan**

- Lima disfungsi pasukan dan kesannya terhadap prestasi
- Strategi membina kepercayaan dan keselamatan psikologi
- Diagnostik kesihatan pasukan (team diagnostic)
- Penyediaan pelan tindakan awal pasukan

12:15PM - 1.00PM **Modul 3: Memahami Prestasi melalui Matriks Skill–Will**

- Prestasi dan faktor yang mempengaruhinya: Skill vs Will
- Matriks Skill–Will dan tahap kesediaan ahli pasukan
- Intervensi kepimpinan bagi setiap kuadran
- Pemetaan ahli pasukan dalam matriks Skill–Will

2:00PM - 2:45PM **Modul 3: Memahami Prestasi melalui Matriks Skill–Will**

2:45PM - 3:45PM **Modul 4: Memacu Motivasi dan Penglibatan Pasukan**

- Pemacu motivasi dan punca kemerosotan motivasi
- Peranan pemimpin dan teknik meningkatkan penglibatan (engagement)
- Mengurus prestasi rendah secara konstruktif
- Analisis kes motivasi pasukan

3:45PM - 5.30PM **Modul 5: Perbualan Berimpak Tinggi dan Pelan Tindakan Pemimpin**

- Pemacu motivasi dan punca kemerosotan motivasi
- Peranan pemimpin dan teknik meningkatkan penglibatan (engagement)
- Mengurus prestasi rendah secara konstruktif
- Analisis kes motivasi pasukan

Nota:

- *Makan tengah hari serta minum pagi dan minum petang disediakan seperti yang dinyatakan dalam agenda program*

Fakulti

Dr. Wan Hamiza merupakan seorang pakar pendidikan dan jurulatih kepimpinan bertauliah dengan pengalaman melebihi 28 tahun dalam pelbagai jawatan akademik dan pentadbiran di universiti swasta serta program pendidikan eksekutif. Beliau memegang ijazah Ph.D. dalam Kejuruteraan (Pendidikan) dari University of Newcastle, Australia; M.Sc. dalam Kejuruteraan Mekatronik dari IIUM; serta Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kepujian) dari University of Western Australia.

Sepanjang kerjayanya, Dr. Wan telah menggalas pelbagai tanggungjawab kepimpinan kanan, termasuk sebagai Pensyarah Kanan, Prinsipal, Jurulatih Korporat, Ketua Jabatan Kurikulum, Ketua Jabatan Akademik, Timbalan Pendaftar, serta Pengarah Jaminan Kualiti & Pematuhan. Kepelbagaian portfolio ini memberikan beliau kepakaran mendalam dalam bidang kepimpinan, pengurusan strategik, pembangunan program, penilaian akademik, dan akreditasi.

Beliau juga berpengalaman sebagai fasilitator untuk program pensijilan Train-the-Trainer HRD, memiliki pensijilan DACUM dan SCID dari Ohio State University (2009), serta jurulatih CUDBAS bertauliah dari Kementerian Sumber Manusia. Dr. Wan juga fasilitator pelbagai program kepimpinan eksekutif berimpak tinggi seperti Maybank M25UP (50 kohort), Emerging Leaders Program, dan inisiatif pembangunan pemimpin lain dari sektor perbankan, kerajaan, dan swasta.

Di samping itu, Dr. Wan aktif dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) berfokuskan industri, termasuk projek ESG dan pembangunan kapasiti bersama Sarawak Energy yang selaras dengan PCDS 2030. Beliau pernah dianugerahkan Best Research Presentation oleh University of Newcastle dan MARA Outstanding Educator Award. Beliau juga merupakan Ahli Profesional Lembaga Teknologi Malaysia (MBoT) sejak tahun 2018.

Nota: *

- Tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 8%.
- Yuran tidak termasuk penginapan di ASB Residential (Kediaman ASB) bagi peserta luar kawasan / luar negara; namun penginapan boleh diuruskan dengan kos tambahan.
- Harga dalam USD adalah harga anggaran sahaja. Semua yuran akan diinvois dalam Ringgit Malaysia (RM). Amaun dalam USD dipaparkan sebagai rujukan sahaja dan tertakluk kepada kadar pertukaran semasa pada tarikh pembayaran.

ASIA School of Business
in collaboration with MIT Sloan Management
Iclif Executive Education Center

Asia School of Business (DU046(W))
Iclif Executive Education Center
ASB Academic, No 11, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Email: beep@asb.edu.my / ExecEd@asb.edu.my

exec.asb.edu.my

asbiclif @asb.iclif asbiclif asb iclif

SCAN ME

Kepimpinan Pasukan
Berprestasi Tinggi